

Demokrasi sistem terbaik, perlu dilaksanakan dengan bijak

UM 24/10/03
DILI 23 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberikan panduan konsep pemerintahan sebuah negara di Parlimen Timor Leste dengan menyatakan demokrasi merupakan sistem terbaik bagi sesebuah negara tetapi ia perlu dilaksanakan dengan bijak.

Perdana Menteri yang bercakap di depan 88 anggota Parlimen Timor Leste yang baru mencapai kemerdekaan Mei tahun lalu menegaskan sistem demokrasi boleh berjalan dengan baik hanya jika batasan dan kelemahan demokrasi difahami serta diterima.

Bagi sebuah pemerintahan demokrasi dapat berfungsi, jelas beliau, sesebuah kerajaan mesti mempunyai suara majoriti yang mencukupi tetapi tidak semestinya 90 peratus atau 80 peratus.

“Tetapi ia juga tidak boleh terlalu kecil di mana ahli atau sekumpulan ahli Parlimen boleh menjatuhkan kerajaan dengan menyertai parti pembangkang. Terlalu banyak parti pula tidak akan membentuk sebuah kerajaan yang mempunyai suara majoriti yang kuat.

“Jadi jumlah parti seharusnya dihadkan sekurang-kurangnya dua atau paling tidak lima atau enam buah parti. Parti-parti ini pula harus bersifat nasional bukan terhad di peringkat daerah atau wilayah,” jelas Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir menerima penghormatan untuk memberikan ucapan di Parlimen Timor Leste selepas diberi sambutan tabik hormat dalam upacara perbarisan di Istana Kerajaan di sini hari ini.

Turut serta dalam kunjungan Dr.

Mahathir ialah isterinya, Datuk Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Yang lain ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Kerjaya, Datuk Seri S. Samy Vellu dan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Lim Keng Yaik.

Dr. Mahathir mempunyai jadual acara yang ketat hari ini. Beliau turut melakukan pecah tanah kompleks Kedutaan Malaysia seluas 3,000 meter persegi, berdialog dengan ahli perniagaan dan melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Xanana Gusmao.

Beliau juga mengadakan pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri, Mari Alkatiri dan menyerahkan bantuan 32 buah trak dan peralatan untuk tentera Timor Leste serta melancarkan laman web Forum Belia Antarabangsa Dili.

Dalam ucapannya di Parlimen, Dr. Mahathir memberikan gambaran panjang lebar mengenai pemerintahan dan sistem demokrasi berparlimen berdasarkan pengalamannya menjadi ketua kerajaan selama 22 tahun.

Perdana Menteri menekankan bahawa rakyat mesti menerima batasan demokrasi dan tidak boleh mengharapkan terlalu banyak daripada sistem berkenaan.

Tambah beliau, demokrasi seharusnya ditegak dan diamalkan kerana ia mempunyai kemungkinan yang besar untuk menghasilkan sebuah kerajaan dan kehidupan yang sejahtera kepada rakyat.

Bagaimanapun tegas Perdana Menteri, kehidupan rakyat yang sejahtera tidak boleh dikorbankan hanya untuk mempertahankan demokrasi.

Dr. Mahathir mengambil contoh perdagangan bebas yang sebenarnya hanya menguntungkan negara besar dan kaya manakala negara kecil tidak diberi pilihan untuk menolaknya.

“Perdagangan bebas sebenarnya tidak demokrasi. Ia meminggirkan suara majoriti yang miskin demi kumpulan minoriti yang kaya,” tambah beliau.

Kata Perdana Menteri, Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum dan bahasa membangun sebagai sebuah negara yang aman kerana ia memahami kelemahan dan batasan demokrasi serta tidak pernah melepasi batasan berkenaan.

Sementara itu semasa berucap pada majlis makan malam meraikan lawatannya oleh Perdana Menteri, Mari Alkatiri, beliau menekankan pentingnya pelaburan asing yang memainkan peranan utama untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.

Dr. Mahathir turut mencadangkan Malaysia sebagai tuan rumah pertama mesyuarat suruhanjaya bersama Malaysia-Timor Leste pada tarikh yang akan ditetapkan oleh kedua-dua pihak nanti.

Suruhanjaya itu terbentuk selepas petang ini, Malaysia dan Timor Leste menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai ekonomi, teknikal, saintifik dan perjanjian kebudayaan. — *Utusan*